



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 5 DISEMBER 2022**

BIL.	TAJUK HERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	3 NELAYAN ASING DITAHAN TIADA PENGENALAN DIRI, NASIONAL, BH -18 TIGA NELAYAN MYANMAR DICEKUP TANGKAP IKAN DEKAT KUALA SELANGOR, NEGARA, KSOMO -12 TIGA NELAYAN ASING KENA CEKUP, LOKAL, HM -2 TAHAN BOT, RAMPAS HASIL LAUT, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	PENDARATAN IKAN DI TEREangganU MEROSOT, DALAM NEGERI, UM -30	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	'HARAP KERAJAAN ATASI MASALAH TELUR', DALAM NEGERI, UM -30 FOOD PRICES TO GO DOWN AS RINGGIT STRENGTHENS, SAYS MAT SABU, NEWS, MALAYSIAN NANBAN -ONLINE SUKAR DAPATKAN BARANG KEPERLUAN, NASIONAL, BH -15 30% PENTERNAK AYAM KONTRAK BAKAL MUFLIS, MUKA DEPAN, UM -1 & 2 'NAK DAPAT TELUR SEPAPAN PUN SUSAH', LOKAL, HM -22 SOKONG USAHA KURANGKAN BERAS IMPORT, SUARA, SH -16 UPM MENGUNGGULI BIDANG PERTANIAN, K2, KOSMO -29 GABUNG MANIFESTO PH, BN PULIHKAN SEKURITI MAKANAN, RENCANA, BH -12	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/12/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

3 nelayan asing ditahan tiada pengenalan diri

Kuala Selangor: Agensi Penguatkuasaan Maritim (Maritim Malaysia) menahan tiga nelayan warga asing, kelmarin, kerana disyaki melanggar syarat sah lesen.

Mereka ditahan ketika pasukan melakukan rondaan rutin di kedudukan 3.1 batu nautika Kuala Selangor, kira-kira jam 10.45 pagi.

Pengarah Maritim Malaysia Selangor, Kepten Maritim V Siva Kumar, berkata bot dinaiki nelayan itu dipercayai melakukan aktiviti perikanan di kawasan berkenaan.

Katanya, pemeriksaan mendapati bot terbabit dikendalikan tiga kru termasuk tekong warga Myanmar berusia lingkungan

31 hingga 39 tahun.

“Mereka tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

“Untuk itu, bot bersama kru dibawa ke jeti Polis Marin Pulau Indah untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia untuk tindakan lanjut,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Siva Kumar berkata, kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

Sebarang aduan dan maklumat mengenai kegiatan jenayah serta kecemasan di laut, orang ramai boleh menghubungi Pusat Operasi Maritim Negeri Selangor di talian 03-31760627 atau MERS 999.



Anggota APMM Selangor memeriksa tiga nelayan warga asing di kedudukan 3.1 batu nautika Kuala Selangor, semalam.

(Foto ihsan APMM Selangor)



TIGA lelaki warga Myanmar ditahan pihak berkuasa di perairan Kuala Selangor kelmarin.

Tiga nelayan Myanmar dicekup tangkap ikan dekat Kuala Selangor

KUALA SELANGOR – Tindakan tiga nelayan warga Myanmar menangkap ikan secara haram mengundang padah apabila ditahan pihak berkuasa kira-kira 3.1 batu nautika di perairan daerah ini kelmarin.

Kesemua lelaki terdiri dari-pada kru dan tekong bot berusia 34 hingga 39 tahun itu ditahan Maritim Malaysia (APMM) pukul 10.45 pagi.

Pengarah APMM Selangor,

Kepten Maritim V. Siva Kumar berkata, penahanan itu dilakukan ketika pihaknya melakukan rondaan rutin di sekitar perairan berkenaan.

Katanya, pemeriksaan dijalankan selepas mendapati bot itu dalam keadaan mencurigakan dipercayai sedang melakukan aktiviti perikanan.

“Tiga nelayan asing itu kemudi-an didapati tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan

diri yang sah.

“Selain itu, mereka melakukan kesalahan melanggar syarat sah lesen yang ditetapkan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Ujarnya, tiga nelayan yang ditahan dihantar kepada polis.

Jelas Siva Kumar, bot dan semua lelaki itu dibawa ke Jeti Polis Marin Pulau Indah bagi tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/12/2022	HARIAN METRO	LOKAL	2



TIGA nelayan asing ditahan APMM Selangor kerana disyaki melanggar syarat sah lesen.

Tiga nelayan asing kena cekup

Kuala Selangor: Tiga nelayan warga asing ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Selangor kerana disyaki melanggar syarat sah lesen.

Mereka ditahan ketika pasukan melakukan rondaan rutin di kedudukan 3.1 batu nautika Kuala Selangor pada jam 10.45 pagi, kelmarin.

Pengarah APMM Selangor

Kapten Maritim V Siva Kumar berkata, bot dinaiki nelayan terbabit dipercayai melakukan aktiviti perikanan di kawasan berkenaan.

Katanya, pemeriksaan mendapati bot terbabit diendalikan tiga kru termasuk tekong warga Myanmar berusia 31 hingga 39 tahun.

“Mereka tidak mempunyai sebarang dokumen penge-

nalan diri yang sah.

“Untuk itu, bot bersama kru dibawa ke jeti Polis Marin Pulau Indah untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia untuk tindakan lanjut,” katanya.

Siva Kumar berkata, kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

Tahan bot, rampas hasil laut

BAGAN SERAI – Maritim Malaysia (APMM) menerusi Zon Maritim Kuala Kurau menahan sebuah bot di Tanjung Piandang di sini kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kurau, Komander Maritim Mohd. Najhan Azman Hamid berkata, bot itu ditahan pukul 2.30 petang pada kedudukan 0.8 batu nautika barat daya Tanjung Piandang.

Menurut Mohd. Najhan, semasa pihaknya melakukan rondaan rutin di perairan Kuala Kurau dan Tanjung Piandang, anggota APMM mengesan sebuah bot yang bergerak dalam keadaan mencurigakan lalu mendekatinya untuk tujuan pemeriksaan.

"Pemeriksaan lanjut menemui tiga nelayan tempatan termasuk tekong berusia 50 hingga 71 tahun di dalam bot berkenaan.

"Pemeriksaan ke atas dokumen mendapati, bot itu me-

miliki lesen yang sah, namun pemilik asalnya tidak mengusahakan sendiri," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Mohd. Najhan berkata, selain itu, sebanyak 200 kilogram hasil ikan turut ditemui semasa pemeriksaan dibuat.

"Kesemua kru, bot nelayan, hasil tangkapan dan peralatan menangkap ikan telah ditahan dan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kurau di sini untuk tindakan lanjut.

Kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu pemilik asal tidak mengusahakan sendiri bot.

Sebarang aduan dan keceemasan, orang ramai diminta supaya melaporkan kepada APMM menerusi **MERS 999** atau Pusat Operasi Zon Maritim Kuala Kurau di talian **05-7279919**.



BOT dinalki tiga nelayan yang ditahan di Tanjung Piandang, Bagan Serai kelmarin.



SEBAGIAN daripada bot nelayan yang 'terkandas' dan tidak dapat keluar untuk tangkapan ikan pada musim tengkujuh di Terengganu. - UTUSAN/PUOTRA HAIRRY ROSLI

Pendaratan ikan di Terengganu merosot

OMI ZAIID MOMID. NOOR
zaidnoor@mediamuda.com.my

KUALA TERENGGANU: Pendaratan ikan daripada nelayan tempatan di kebanyakan jeti di negeri ini merosot kira-kira 50 peratus pada musim tengkujuh ini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Besut, Tengku Harun Tengku Ismail berkata, pendaratan ikan mula berkurangan sejak November lalu dijangka berlanjutan sehingga Februari tahun depan.

Menurut beliau, keadaan tersebut berlaku apabila kebanyakan nelayan bot pukot jerut tidak dapat keluar menangkap ikan kerana cuaca tidak menentu.

Katanya, kebanyakan ikan yang berada di pasaran sekarang

hasil tangkapan nelayan bot pukot tunda, bubu dan pancing.

"Kekurangan jumlah tangkapan ikan itu menyebabkan berlaku kekurangan bekalan di pasaran dan harga ikan dijual lebih mahal antara 30 hingga 50 peratus," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Tengku Hanun memberitahu, kebanyakan ikan yang dijual di pasaran tempatan adalah ikan sejuk beku yang dibekalkan dari Endau, Johor dan Kuantan, Pahang.

Menurutnya, ikan sejuk beku dijual lebih murah kerana harga dikawal Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Kebanyakan ikan sejuk beku itu adalah ikan rakyt seperti ikan selayang, cencaru, tongkol

dan kembung," ujarnya.

Sementara itu, seorang peniaga di Kuala Terengganu, Rahman Abdul Salleh, 45, berkata, harga ikan selayang meningkat antara RM42 dan RM45 sekilogram berbanding hanya RM38 dan RM40 sekilogram sebelum ini.

Sementara itu, katanya, harga ikan kembung turut naik kepada RM28 sekilogram, berbanding antara RM20 dan RM22 sekilogram.

"Sotong pula dijual pada harga RM45 sekilogram, ikan tenggiri RM42 sekilogram, ikan merah RM45 sekilogram, kerisi RM16 sekilogram, ikan cencaru RM15 sekilogram, ikan bawal RM34 sekilogram dan udang harimau antara RM34 dan RM50 sekilogram," katanya.

'Harap kerajaan atasi masalah telur'

GUA MUSANG: Penduduk terus mengeluh kerana tiada bekalan telur ayam dalam pasaran di daerah ini walaupun beberapa kawasan lain di negeri ini sudah tidak lagi berdepan dengan masalah itu terutama di pasar raya.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di dua buah pasar raya di bandar ini mendapati, bekalan telur papan belum stabil apabila telur ayam omega bersaiz L yang masih dijual pada harga RM8.30 bagi 10 biji.

Seorang pengguna, Nur Zulha Azman, 28, mendakwa, masalah kekurangan bekalan telur sudah berlanjutan lebih tiga bulan lalu menyebabkan beberapa kedai runcit dan pasar raya terpaksa mengendalikannya. Jumlah pembelian telur kepada pelanggan.

"Ada pelanggan terutamanya pengusaha kuli-muih terpaksa membuat tempahan lebih awal untuk beli telur ayam kerana bimbang bekalan habis.

"Kami sukar untuk menda-

patkan telur di pasar raya dan terpaksa membeli telur omega yang harganya lebih mahal," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Seorang lagi pengguna, Mohd. Zaidi Abdullah, 44, berkata, kebiasaan bekalan telur baharu akan tiba pada petang semalam atau Khamis setiap minggu.

Katanya, jumlah bekalan yang terhad di pasar raya menyebabkan dia terpaksa mendapatkan bahan mentah itu di kedai runcit.

"Masalah kekurangan telur ayam Gred A, B, C dan D sudah lama dan kita berharap kerajaan dapat menangani isu berkenaan.

"Bagi kami yang berkeluarga atau mempunyai bilangan anak ramai, telur sumber makanan asas kami," katanya. Sebelum ini, bekalan telur ayam di beberapa negeri dilaporkan kembali stabil namun harganya kini meningkat sehingga mencecah RM18 sepapan bagi telur gred A.



SEORANG pelanggan melihat bekalan telur ayam omega di sebuah pasar raya di Bandar Gua Musang, Kelantan, semalam. - UTUSAN/ AIMUNI TUAN LAM

Headline	Food prices to go down as ringgit strengthens, says Mat Sabu		
MediaTitle	Malaysian Nanban		
Date	05 Dec 2022	Color	Black/white
Section	News	Circulation	65,000
Page No	13	Readership	415,000
Language	Tamil	ArticleSize	245 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 713
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,138



ரிங்கிட் மதிப்பு உயர்ந்தால் உணவு விலைகள் குறையும்

கோலாலம்பூர்,
டிச. 5-
ரிங்கிட்
நாணயத்தின்
மதிப்பு மேலும்
உயரும் என்று
எதிர்பார்க்கிறோம்.
அதன்வழி உணவு
பொருட்களின்
விலைகள்
வெகுவாக
குறையும் வாய்ப்பு
ஏற்படும் என்று
விவசாயம்-உணவுத்துறை
அமைச்சர் முகமட் சாபு
சுறினார்.

கடந்த மாதம் ஓர்
அமெரிக்க டாலருக்கு
எதிரான ரிங்கிட்டின் மதிப்பு
5 வெள்ளியாக இருந்தது.
ஆனால் பொதுத் தேர்தல்
முடிந்த பிறகு ரிங்கிட்டின்
மதிப்பு உயரத்
தொடங்கியது. டிசம்பர்
2ஆம் தேதி புதிய
அமைச்சரவை
அறிவிக்கப்பட்ட அடுத்த
சில மணி நேரத்தில்



அமெரிக்க
டாலருக்கெதிரான
ரிங்கிட்டின் மதிப்பு 4
வெள்ளி 45 காசாக
பதிவானது.

அடுத்த சில
வாரங்களில்
ரிங்கிட்டின் மதிப்பு
மேலும் உயரும்
என்று
எதிர்பார்க்கிறோம்.
தற்போது நாம்

வெளிநாடுகளிலிருந்து
உணவுப் பொருட்களையும்
விவசாயப் பொருட்களையும்
இறக்குமதி செய்து
வருகிறோம். ரிங்கிட்டின்
மதிப்பு வீழ்ச்சி அடைந்து
விட்ட காரணத்தினால்
வெளிநாடுகளிலிருந்து
பொருட்களை இறக்குமதி
செய்வதற்காக அதிக
தொகையை செலவு செய்ய
நேரிடுகிறது.

இந்நிலையில் விரைவில்
டாலருக்கு எதிரான
ரிங்கிட்டின் மதிப்பு 4 வெள்ளி
40 காசாக அதிகரிக்கும்

வாய்ப்பு இருக்கிறது.
அதனால் எதிர்காலத்தில்
வெளிநாடுகளில் இருந்து
இறக்குமதி செய்யும்
உணவுப்
பொருட்களுக்கான செலவு
குறையும், எனவே
உள்நாட்டில் உணவுப்
பொருட்களின் விலைகள்
குறையும் வாய்ப்பு ஏற்படும்
என்று அவர் கூறினார்.

அதே வேளையில் கடந்த
தேர்தலில் பார்ட்டி அமானா
நெகாரா கட்சி 8 இடங்களில்
வெற்றி பெற்றாலும் புதிய
அமைச்சரவையில் 2
இடங்கள்தான்
கிடைத்திருக்கின்றன. இது
குறித்து கருத்துரைத்தபோது
குறைந்த எண்ணிக்கை
கொண்ட அமைச்சரவையை
அமைப்பேன் என்று பிரதமர்
டத்தோபுஸ் அன்வார்
அறிவித்திருந்தார்.
அதனால்தான் எங்களுக்கும்
குறைவான இடங்கள்
கிடைத்திருக்கின்றன என்று
முகமட் சாபு சுறினார்.

Sukar dapatkan barang keperluan

Cuaca tidak menentu punca harga naik, sukarkan peniaga peroleh bekalan

Oleh Azhar Shahrudinizam dan Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Cuaca tidak menentu dengan hujan dan banjir menyebabkan peniaga barang keperluan harian resah akibat kesukaran memperoleh bekalan bagi memenuhi keperluan pelanggan.

Barangan basah paling terjejas ketika ini adalah ikan segar dan sayur-sayuran disebabkan nelayan tidak dapat ke laut, manakala pekebun tidak dapat memetik sayur atau tanaman rosak akibat cuaca.

Tinjauan *BH* di Pasar Chow Kit di ibu kota, mendapati harga ikan segar mengalami kenaikan antara RM1 hingga RM2 sekilogram, manakala harga sayur tempatan pula mengalami kenaikan

di antara RM2 hingga RM3 sekilogram.

Peniaga ikan, Pengki Fernando, 26, mendakwa sejak seminggu lalu, bekalan ikan segar yang diterimanya mula terganggu dan kebanyakkan bekalan yang ada ketika ini hanyalah ikan sejuk beku.

“Pembekal ada maklumkan bekalan ikan yang diperolehi tidak banyak disebabkan nelayan tidak dapat turun ke laut apabila hujan terlalu lebat,” katanya.

Penjual sayur, Yau Heng, 42, berkata harga sayur tempatan seperti bewdi, sawi dan kangkung mengalami kenaikan, manakala sayuran import seperti kubis, lobak merah dan brokoli masih bertahan.

“Kami kini mengambil bekalan sayur dari Vietnam kerana lebih mudah didapati berbanding sayuran tempatan. Buat masa sekarang agak sukar untuk kami dapatkan sayur tempatan kerana hujan sukarankan pekebun memetik sayur.”

“Sayur yang kami dapat dari Vietnam pula walaupun mengambil masa yang lama untuk sampai ke sini tetapi kualiti sayurnya seolah-olah baru sahaja dipetik,” katanya.

Bagi pemilik kedai runcit, Said

Muhammad Mydin Shah, 48, mendakwa gula pasir adalah antara barang keperluan yang semakin sukar diperolehi.

“Sejak pilihan raya umum lalu, bekalan gula susah untuk diperolehi. Dahulu saya terima bekalan empat kotak sehari, sekarang saya hanya mendapat satu kotak sahaja untuk sehari,” katanya.

Bekalan telur belum pulih

Sementara itu bekalan telur di Pulau Pinang masih belum pulih sepenuhnya dengan segelintir pengusaha makanan mengeluh harga telur bukan sahaja mahal, malah mudah rosak jika tidak dihabiskan dalam tempoh tiga hingga empat hari.

Peniaga, Abdul Majeed Seeni Muhammad, 49, berkata dia memerlukan enam hingga tujuh paip telur gred B setiap hari yang dibeli pada harga RM15.60 hingga RM16 sepapap untuk aneka menu seperti roti telur goyang dan mji goreng.

“Dalam sepapan pula biasanya ada beberapa biji telur yang rosak kadang-kadang sehingga lima biji, memang dulu ada masalah ini juga tetapi tidak begitu terasa kerana harganya tidak mahal sekarang.”

“Saya memang hanya guna te-



Tinjauan di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur, mendapati harga barangan basah alami kenaikan berikutan bekalan yang sukar diperolehi

(Foto Fathil Asri/BH)

lur gred B untuk jaga kualiti makanan dan sebelum ada masalah bekalan, harganya sekitar RM12 kalau beli banyak,” katanya ketika ditemui di gerainya yang terletak bersebelahan Pasar Chowrastra di Georgetown.

Abdul Majeed berkata kualiti telur sekarang tidak sebaik dahulu yang boleh bertahan lebih seminggu dan untuk mengurangkan risiko telur rosak dia membeli telur mengikut keperluan harian.

Seorang lagi peniaga kuih dan nasi lemak di Pasar Awam Bayan Baru, Karsinah Ranopaviro, 55, berkata dia menggunakan telur kulit putih yang dibeli pada harga RM14 sepapan berbanding RM12.50 sebelum ini dan akan menghabiskannya dalam tempoh tiga hari bagi mengurangkan risiko kerugian jika telur rosak.

5/12/2022

UTUSAN
MALAYSIA

MUKA DEPAN

1

30% penternak ayam kontrak bakal muflis

Oleh FAHMI FAIZ

utusanmedia@mediamufli.com.my

PETALING JAYA: Mesyuarat pertama Kabinet baharu pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu memberikan fokus kepada isu ayam ternasuk bekalan ayam dan telur di pasaran yang sehingga kini belum ditangani sebaiknya.

Utusan Malaysia sejak beberapa bulan lalu konsisten me-

Tanggung hutang bank RM5 juta, diperas kartel dan integrator

laporkan isu ini khususnya melibatkan kartel yang menguasai pasaran dan harga ayam.

Malah isu terbaharu yang di-


beritahu sumber industri, kepada Utusan Malaysia, lebih 630 pengusata ladang ayam sedang kontrak seluruh negara diambang muflis akibat bebanan hutang oleh kartel dan penternak bersepadu atau integrator.

Hutang-hutang yang tidak masuk akal ini memabihkan penternak yang dibuat oleh kartel ayam serta integrator dengan penternak kontrak bagi membekalkan anak ayam, dedak ma-

kanan, vaksin dan ubat-ubatan untuk ternakan itu.

Sumber sebuah persatuan penternak wilayah tengah mendedahkan, tidak cukup dengan tekanan pihak integrator dan kartel, penternak kontrak yang kebanyakannya buriputera menanggung hutang bank bagi membina fasiliti ternakan seperti reban ayam.

Bersambung di muka 2



Rezeki Selat Tebrau

DUA nelayan menangkap ikan yang dipangas lebih dari 100 meter dari daratan di perairan Teluk Tebrau, Stulang Laut, Johor Bahru, semalam.

- UTUSAN/RAJA JAMFAR ALI

'Nak dapat telur sepapan pun susah'

Johor Bahru: Pengguna dan peniaga makanan di negeri ini terus dihambat dengan isu kekurangan telur ayam dan minyak masak paket satu kilogram.

Tinjauan di beberapa pasar raya besar dan kedai runcit sekitar Johor Bahru dan Plentong mendapati di rak-rak telur hanya terdapat telur ayam yang pek 10 biji sahaja, manakala telur ayam bagi 30 biji atau sepapan sukar ditemui.

Peniaga makanan, Norizian Abd Aziz, 37, berkata, dia menggunakan sekurang-kurangnya 10 papan telur ayam setiap hari.

"Sekarang nak dapat telur ayam biasa sepapan 30 biji pun susah, kalau dapat harga pasti mahal RM15 ke atas.

"Saya pernah beli telur ayam sepapan 30 biji pada harga RM16.90, terpaksa beli kalau tidak tiada menu telur nanti.

"Peniaga seperti kami memang tersepit, telur ayam sudah mahal. Kami jual sebiji telur yang sudah dimasak sama ada rebus atau goreng RM1 sebiji. Kalau naikkan harga nanti pelanggan marah.

"Minyak masak paket juga susah dapat untuk kegunaan keluarga," katanya.

Suri rumah, Rohana Abu

Hamid, 54, turut mengakui kesukaran mendapatkan dua barangan kawalan terabit.

Katanya, kini terpaksa menggunakan telur ayam omega atau ayam segar dengan harga sekitar RM6 hingga RM8 bagi satu pak 10 biji.

"Terpaksa beli yang 10 biji sebab telur ayam 30 biji sepapan habis dan susah dapat," katanya.

Sementara itu, Pengurus Pasaraya Econsave Cash & Carry, Mas Imran Adam berkata, bekalan telur ayam dan minyak masak paket mengalami kekurangan sejak beberapa bulan lalu.

Katanya, pihaknya memesan 1,000 papan tetapi yang sampai hanya lebih kurang 10 peratus.

"Memang bekalan kurang untuk minyak masak paket dan telur ayam. Kami memesan contohnya 1,000 papan telur ayam tetapi yang sampai hanya 200 papan.

"Begitu juga dengan minyak masak paket, kita tempah banyak tetapi yang sampai hanya 2,000 paket sahaja. Kita akan keluarkan semua, biasa dalam empat hari pertama selepas bekalan tiba akan habis dijual. Itu pihak kami telah hadkan pembelian kepada tiga paket seorang," katanya.



BEKALAN telur ayam 30 biji sepapan tiada di rak telur sebuah pasar raya ketika tinjauan di Johor Bahru.

Sokong usaha kurangkan beras import



ANALISIS
MUKA 16

NURUL HIDAYAH
HAMID

Apabila disebut Kedah Darul Aman, pasti terbayang pemandangan sawah padi menghijau yang luas dan indah, sesuai untuk melarikan diri dari kesibukan kota.

Kedah dan gélarannya, Jelapang Padi sememangnya tidak dapat dipisahkan memandangkan menjadi negeri pengeluar padi terbesar dalam Malaysia.

Bagaimanapun, negara masih bergantung kepada import beras bagi menampung keperluan rakyat yang memerlukan kira-kira 2.5 tan juta metrik setahun. Dengan pengeluaran beras negara sekitar 70 peratus sahaja, baki 30 peratus lagi bergantung kepada import beras untuk memenuhi permintaan penduduk.

Daripada jumlah itu, Kedah membekalkan sebanyak 43 peratus bekalan beras ke seluruh Malaysia melalui penanaman padi dua kali setahun.

Disebabkan itu, negeri tersebut berulang kali menyatakan hasrat untuk melaksanakan penanaman padi sebanyak lima kali dalam tempoh dua tahun sejak beberapa bulan lepas.

Menurut Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, Kedah merancang bagi mengurangkan kebergantungan beras import.

Menurutnya, pengetahuan padi didasarkan meningkat sehingga 65 peratus apabila penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun dilaksanakan.

Import beras tidak perlu diterus-

kan lagi sekiranya langkah itu berjaya dilaksanakan seperti mana dicadangkan Muhammad Sanusi.

Bagaimanapun, cadangan Kedah itu menerima reaksi berbeza daripada pelbagai pihak apabila ada yang bersetuju, ada yang mengkritik.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kubang Rotan, Asmirul Anuar Aris berkata, beberapa masalah berkaitan penanaman padi perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum cadangan itu dilaksanakan.

Menurut Asmirul, tiga empangan di Kedah tidak pernah atau mampu memberikan pengairan dan saliran kepada petani di luar musim penanaman padi.

Tambahan pula, bekalan air dari empangan berkenaan juga digunakan untuk tujuan domestik seperti bekalan air minuman dan industri di Kedah.

Walaupun timbul pertikaian beberapa pihak, Muhammad Sanusi tetap meneruskan pelaksanaan inisiatif itu yang akan dilaksanakan pada bulan ini.

Perkara tersebut dikongsikan Exco Pertanian dan Industri Makanan, Perusahaan Perladangan dan Komoditi Kedah, Datuk Azman Nasrudin pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah di Wisma Darul Aman, baru-baru ini.

Aziman menjelaskan, kaedah penanaman padi yang dikenali sebagai penanaman padi 5:2 akan dilaksanakan di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Menurut beliau, penanaman akan melibatkan keluasan sebanyak 1,220.05 hektar meliputi kawasan penanaman yang pernah menggunakan kaedah sama pada tahun 2016.

Kedah mempelajari kaedah penanaman padi berkenaan daripada Vietnam selepas melihat keupayaan negara itu menanam padi tiga kali setahun. Keluasan tanaman padi

Vietnam adalah 4.6 juta hektar dengan penghasilan 8.6 juta tan padi pada tahun 1961; namun hasil padi meningkat lebih empat kali ganda walaupun keluasan tanaman meningkat tidak sampai dua kali ganda dalam tempoh 46 tahun.

Cuba bayangkan, sekiranya stok beras negara berada dalam keadaan kritikal dan hanya mampu bertahan selama sebulan, dalam masa sama berlakunya kekurangan bekalan dan kenaikan harga beras di pasaran dunia.

Perkara itu belum terjadi lagi di negara ini, tapi tidak salah sekiranya bersiap sedia dengan kerajaan menambah pengeluaran tempatan.

Jadi, hasrat Kedah ini adalah satu usaha yang sangat baik dan bermanfaat bukan hanya kepada rakyat Kedah, malah seluruh negara.

Malaysia tidak perlu lagi bimbang dengan bekalan stok beras negara sekiranya langkah penanaman lima kali dua tahun dapat direalisasikan.

Namun begitu, timbul sedikit persoalan sama ada beberapa empangan di Kedah seperti Empangan Muda, Empangan Pedu dan Empangan Ahning mampu atau tidak menyalurkan air bagi merealisasikan hasrat itu.

Sehubungan itu, Kedah perlulah memberi perhatian kepada beberapa perkara terutamanya memastikan bekalan air di empangan mencukupi untuk pengairan air ke sawah padi dan keperluan domestik.

Walaupun Kedah merupakan negeri pembangkang, namun hasrat kerajaan negeri Jelapang Padi itu diharapkan mendapat sokongan kerajaan Persekutuan terutama Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu untuk kebaikan seluruh rakyat Malaysia.

**Nurul Hidayah Hamid ialah wartawan Sinar Harian Kedah*

UPM mengungguli bidang pertanian

Kampus



APABILA disebut saja pertanian, stigma terhadap bidang itu masih ada apabila persepsi masyarakat melabelkannya 'tidak masa depan' walaupun hakikatnya sektor pertanian adalah penting buat negara kerana memberi sumbangan kepada pendapatan tanah air.

Buktinya, berdasarkan prestasi ekonomi Malaysia untuk suku tahun pertama 2022 yang dikeluarkan pada 13 Mei lalu bagi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin mengesahkan, prestasi ekonomi suku tahun pertama 2022 itu adalah dipacu oleh pertumbuhan berterusan sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian.

Majlis Pemulihan Negara (MPN) juga mengesyorkan Malaysia kembali menjadi negara pertanian bagi mengatasi masalah bekalan makanan agar kurang bergantung kepada negara lain seperti dilaporkan akhbar Jun lalu.

Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAPoS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohd. Rafi Yusop berkata, pertanian adalah satu bidang yang sangat penting kerana pertanian menjamin sekuriti makanan negara.

"Walaupun pertanian ini dilihat sebagai pekerjaan yang agak berat dan 'comot', ia adalah salah satu aktiviti ekonomi negara yang penting bagi pengeluaran makanan, ternakan dan sebagainya," katanya.

Jelas Mohd. Rafi, sekuriti makanan juga menjamin keharmonian negara dan tanpa makanan boleh mengakibatkan



FAKULTI Pertanian di UPM banyak berjasa dalam melahirkan graduan-graduan pengkhususan pertanian.

penduduk huru-hara di seluruh dunia.

Mohd. Rafi berkata, program pertanian UPM yang meningkat ke tangga 36 Agricultural Science terbaik di peringkat dunia telah membuktikan UPM adalah institusi pengajaran pertanian yang unggul.

"UPM bukan sahaja menjadi pengeluar graduan pelajar, malah pengkhususan pertanian serta mempunyai pakar-pakar pertanian dan salah satu universiti berfokus pertanian."

"Kita boleh menghasilkan produk-produk seperti jenis tanaman baharu, baja, kawalan pertanian pintar serta yang berkaitan dengan teknologi tinggi pertanian," katanya.

Beliau yang juga pakar dalam bidang pembiakan dan genetik berkata, kepentingan kepakarannya adalah untuk menghasilkan 'varieti' tanaman

yang sangat diperlukan oleh negara bagi meningkatkan hasil tanaman antaranya padi, kelapa sawit dan juga sayur-sayuran.

Mohd. Rafi yang berasal dari Pasir Salak, Perak telah menghasilkan dua varieti baharu padi iaitu PUTRA 1 dan PUTRA 2.

PUTRA 1 mempunyai ciri-ciri yang berhasil tinggi dan tahan kepada penyakit, manakala PUTRA 2 adalah varieti berhasil tinggi yang boleh mencapai 8 hingga 11 tan mengikut kesuburan tanah sawah berkenaan serta tahan kepada banjir klat selama 14 hari.

Pada masa ini, varieti kedua padi tersebut telah dikomersialkan dan sedang ditanam oleh pesawah-pesawah padi di seluruh Jelapang padi negara terutama di Semenanjung Malaysia serta benih padi

MOHD. RAFI berharap graduan UPM menceburkan diri dalam bidang pengeluaran makanan.



berkenaan telah mendapat perakuan dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFD).

Tidpan nasihat beliau kepada graduan UPM adalah untuk menceburkan diri dalam aktiviti ekonomi bidang pertanian dan keusahawanan terutama bidang pengeluaran makanan.

"Graduan UPM sebenarnya secara langsung dapat membantu ekonomi negara serta memodenkan pertanian dengan adanya pengetahuan serta berpendidikan terutama dalam penggunaan teknologi moden pertanian yang membawa pertanian negara ke seantero dunia," ujarnya.



ANTARA kejayaan UPM juga adalah dalam penghasilan varieti-varieti baharu padi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/12/2022	BERITA HARIAN	RENCANA	12

Gabung manifesto PH, BN pulihkan sekuriti makanan

• Gembleng strategi kedua-dua manifesto atasi masalah ketidakcukupan makanan, sistem produktif cekap dan kebergantungan import

• Perlu reformasi tanah pertanian, penternakan, guna teknologi pintar berskala besar dan latih tenaga muda dalam program agromakanan



Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Kajian Sains Dan Alam Sekitar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Dr. Nuzumala Awang
bhrencana@bh.com.my

Islam amat menitikberatkan jaminan sekuriti makanan untuk semua umat manusia terutama bagi golongan memerlukan dan miskin.

Ini kerana memiliki makanan cukup untuk kelangsungan kehidupan menjadi hak asasi bagi setiap manusia yang turut dirakam dalam al-Quran.

"Dan ia menjadikan di bumi gunung-ganang menatapnya (tersergam linggi) di atasnya, serta ia melimpahkan berkat padanya dan ia menentukan ada pada-Nya bahan keperluan hidup penduduknya, sekadar menyamai hajat diminta dan dikehendaki keadaannya mereka; (semuanya itu berlaku) dalam empat masa." (Fussilat:10)

Pandemik COVID-19 menghantui kehidupan manusia sejagat, mengubah komposisi kehidupan kelompok M40 sebanyak 20 peratus yang tergelincir ke kategori B40. Keadaan ini memabutkan isu peningkatan kos sara hidup yang memberi kesan kepada ketidakcukupan bekalan makanan, seterusnya ancaman masalah nutrisi.

Krisis bekalan makanan negara berpunca pengeluaran dan bekalan makanan terhad serta kesan bencana alam seharusnya menjadi pengajaran kepada semua terhadap kepentingan menjaga kedaulatan makanan dan sekuriti bekalan makanan negara.

Kenaikan harga makanan dilihat simptom krisis makanan diramalkan berlaku secara global disebabkan perubahan iklim. Ini kerana akibat gangguan cuaca ekstrem, petani tidak mampu meramalkan kemarau atau hujan yang boleh mendedahkan tanaman berisiko musnah atau berpenyakit.

Justeru, memperbaiki sistem makanan hari ini harus dijadikan tumpuan utama untuk kelangsungan hidup negara dengan membina sumber bekalan makanan berdaya tahan. Bagi tujuan itu, rantaian bekalan makanan negara memerlukan pendekatan baharu berstrategik dan realistik dengan membangunkan amalan pertanian berdaya tahan dengan kerencaman iklim.

Pasca-Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), manifesto parti seharusnya dijadikan sandaran bagi kerajaan ditubuhkan untuk melaksanakan usaha dan janji dalam memperbaiki kehidupan rakyat.

Jika ditinjau dalam kedua-dua manifesto Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN), isu sekuriti makanan menjadi antara fokus untuk digembleng strategi dalam menyelesaikan masalah ketidakcukupan makanan, sistem produk makanan tidak cekap serta kebergantungan kepada import terlalu besar.

Risiko gangguan krisis iklim di negara dilihat memerlukan pelbagai langkah penyelesaian dan strategi kalis terhadap perubahan tidak boleh dielakkan bagi mengurangkan kesan buruk.

Amalan dan strategi pertanian berdaya tahan kepada ketidaktentuan cuaca termasuk memberi penekanan terhadap penggunaan tanah untuk membahagikan jenis pengeluaran dan menilai kualiti kesihatan tanah.

Merujuk kepada manifesto kedua-dua parti terbesar yang menubuhkan kerajaan baharu, bagi tujuan pertanian dan penternakan dicadangkan agar reformasi tanah pertanian melalui kerjasama kerajaan negeri diwartakan secara kekal kawasan

pertanian seperti jelapang padi dan padang ragut bagi memudahkan petani dan penternak memohon atau memajak tanah.

Usaha ini wajar dilaksanakan dan digembleng untuk menjamin kepelbagaian sumber makanan serta memperbaiki sistem makanan yang terjejas.

Langkah untuk melebarkan penggunaan teknologi moden dan pintar dalam skala besar dengan penggunaan internet benda (IoT) dalam bidang agromakanan harus disambut baik oleh masyarakat namun memerlukan usaha berstrategik daripada kerajaan untuk membantu kelompangan dalam pelaksanaannya.

Perubahan sistem makanan daripada pertanian konvensional kepada sistem agro berteknologi tinggi menggalakkan pertanian mampan dapat menangani masalah kekurangan pengeluaran dan kemerosotan kualiti tanah serta tanaman.

Latang pertanian mesra alam sekitar akan memberikan penyediaan kepada cuaca dalam negara serta dapat memelihara hasil tanaman terjejas akibat iklim tidak menentu.

Latih agropreneur muda

Justeru, tenaga muda perlu digalakkan dan dilatih dalam program agromakanan dengan pembiayaan latihan kemahiran berterusan bagi melahirkan agropreneur muda berkecimpung dalam sektor pertanian moden.

Usaha ini amat perlu diberi perhatian oleh kerajaan baharu dalam memperbaiki tahap sara diri masyarakat dan menangani isu keterjaminan bekalan makanan dalam negara.

Kerajaan harus mempertimbangkan untuk melaksanakan kemudahan skim perlindungan pertanian atau insurans tanaman bagi melindungi pengusaha pertanian daripada sebarang risiko luar kawalan yang berlaku kepada tanaman negara seperti cuaca tidak menentu dan penyakit.

Produk kewangan seperti insurans dan takaful berkenaan boleh dijadikan sebagai suatu mekanisme untuk menstabilkan pendapatan petani dan melindungi risiko kemerosotan tanaman serta kenaikan harga.

Di samping itu, bagi menggalakkan persaingan sihat, kerajaan perlu melaksanakan inisiatif menghapuskan kartel dalam sektor agromakanan dan keperluan asas.

Usaha ini akan mewujudkan peluang usahawan baharu untuk menceburkan diri dalam membantu jaminan bekalan makanan dan kedaulatan makanan negara.

Agensi kerajaan juga harus berperanan sebagai badan penampakan harga berbekalan dan permintaan serta kawalan harga bahan asas makanan bagi mengelakkan monopoli pihak tertentu dalam sistem rantaian makanan.

Di samping membina modal sosial dalam bidang pertanian, langkah ini penting untuk menghapuskan orang tengah dalam rantai makanan dengan menendekkan rantai bekalan makanan kepada pengguna, sekali gus mengurangkan harga makanan.

Ringkasnya, perubahan dalam sistem makanan ini juga amat memerlukan pembangunan budaya pertanian dalam komuniti di samping galakan berterusan daripada kerajaan.

Langkah dan usaha ini amat perlu diberi perhatian dan dirintis bagi membuat persiapan padu dalam menghadapi krisis kemerosotan bekalan makanan dan krisis ekonomi dunia seperti diramalkan.

Sektor pertanian bukan sekadar untuk menjamin sumber bekalan makanan berterusan malah menyumbang kepada perkembangan ekonomi Malaysia di samping sektor baharu lain.

Kita harus mengambil contoh dari negara luar seperti Thailand yang melonjakkan sektor pertanian sebagai penyumbang utama ekonomi negara. Inovasi pertanian canggih di Belanda juga memposisikan mereka sebagai pembekal teknologi dalam bidang pertanian dan penternakan ke seluruh dunia.

Sokongan padu daripada kerajaan dengan pengemulanan tenaga dalam kalangan masyarakat menentukan talian hayat dalam sekuriti makanan dan kedaulatan makanan negara.

Risiko gangguan iklim akan terus mengancam sumber tanaman dan penternakan tempatan, namun inisiatif peringkat dasar harus dipertimbangkan kerajaan dapat mengurangkan kemerosotan bakal berlaku bahkan membina sistem makanan berdaya tahan untuk populasi pada hari ini dan generasi akan datang.

